

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK SERI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
[BERA]
TARIKH : 03 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 145

Y.B. DATUK SERI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB [BERA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jangkaan jumlah keuntungan kepada kerajaan melalui Projek Bandar Malaysia dan Tun Razak Exchange apabila disediakan nanti.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Projek Bandar Malaysia diterajui oleh Bandar Malaysia Sdn Bhd (BMSB) manakala projek Tun Razak Exchange (TRX) pula diterajui oleh TRX City Sdn Bhd (TRXC) di mana kedua-dua syarikat tersebut merupakan anak syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD). Bagi projek TRX, tumpuan utama Kerajaan pada masa ini adalah untuk memastikan TRXC menyiapkan infrastruktur projek TRX.

Projek Bandar Malaysia dan TRX adalah projek strategik jangka masa panjang yang akan dibangunkan secara berfasa/ berperingkat dengan anggaran Nilai Pembangunan Kasar (*Gross Development Value*) masing-masing sebanyak RM140 bilion dan RM40 bilion setelah disiapkan sepenuhnya. Justeru itu, jumlah pulangan kewangan sebenar projek Bandar Malaysia dan TRX kepada Kerajaan tidak dapat ditentukan pada masa ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL
[KUALA KEDAH]**

TARIKH : 3 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 146

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah bentuk kejayaan Kerajaan di dalam industri perikanan laut dalam setakat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, di antara kejayaan Kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di dalam industri perikanan laut dalam adalah:

- (i) Sumbangan secara konsisten kepada bekalan dan tahap sara diri (SSL) ikan makan dalam negara. Pada tahun 2018, dianggarkan jumlah pendaratan perikanan laut dalam adalah sebanyak 259,801 tan metrik dengan nilai berjumlah RM1.47 bilion. Peratusan SSL ikan makan adalah 95.6%.
- (ii) Pembangunan industri tuna melalui galakan tangkapan ikan tuna di laut lepas. Pada tahun 2018, jumlah penangkapan ikan tuna di laut lepas adalah sebanyak 3,165 tan metrik dengan nilai berjumlah RM38.6 juta. Selaras dengan pindaan Akta Perikanan 1985, Kementerian menyasarkan peningkatan pendaratan ikan tuna berdasarkan kepada potensi berjumlah 30,000 tan metrik dengan nilai setahun sebanyak RM300 juta.
- (iii) Penghasilan sendiri vesel-vesel moden dalam negara bermula pada bulan September 2017 melalui inisiatif program pemodenan vesel. Sehingga bulan Jun 2019, sejumlah 4 buah vesel moden (1 di Sarawak dan 3 di Pahang) telah siap dibina dan dilesenkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia manakala 3 buah (2 di Perak dan 1 di Sabah) masih dalam pembinaan.

Sekian, terima kasih.